

TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK BERKAITAN PENILAIAN KUALITI TERJEMAHAN AL-QURAN

Muhammad Hakim Kamal
Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia
Emel: hakimkamal@usim.edu.my

Mohamad Hussin
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
Emel: mohamadhussin@um.edu.my

Mohammad Najib Jaffar
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Emel: najib@usim.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan mengenai kualiti terjemahan sering dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan tertentu. Beragam kerangka model bagi tujuan menilai kualiti terjemahan diutarakan sejak dua dekad yang lalu. Meskipun begitu, Penilaian Kualiti Terjemahan [PKT] al-Quran dari sudut kebolegunaan yang berteraskan pembaca sasaran secara holistik dilihat kurang ditumpukan. Kajian ini memfokuskan literatur berkaitan penilaian kualiti terjemahan al-Quran dalam kajian terdahulu dan mengintegrasikan penemuan penyelidikan lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan reka bentuk analisis dokumen yang berpanduan tinjauan literatur sistematik [systematic literature review, SLR] sebagai landasan. Analisis ini memfokuskan latar belakang kajian, permasalahan, metode dan dapatan kajian terdahulu. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu lebih menekankan kepada PKT al-Quran di peringkat leksikal dari sudut ketepatan dan padanan terjemahan antara teks sumber dengan teks sasaran. Dapatan juga menunjukkan kualiti terjemahan al-Quran yang sedia ada kurang ditinjau dari aspek kebolegunaan yang menitikberatkan pendapat pembaca sasaran selaku pengguna akhir produk terjemahan. Oleh hal yang demikian, kajian PKT al-Quran sewajarnya mengaplikasikan konsep kebolegunaan terhadap pembaca sasaran sekaligus menambah nilai kualiti terjemahan al-Quran yang mesra pengguna.

Kata Kunci: Literatur; Penilaian Kualiti Terjemahan; al-Quran; konsep kebolegunaan; pembaca sasaran.

1. PENGENALAN

Aktiviti terjemahan pada era kini semakin meluas dan merupakan keperluan bagi kemajuan insani memandangkan aspek ini membantu dalam kefahaman suatu budaya (Naimah Kamaruddin & Harun Baharudin, 2016). Amalan penterjemahan yang semakin pesat dalam bidang pendidikan tidak hanya ditumpukan oleh sarjana linguistik dari sudut teks agama, falsafah, sastera dan sains sahaja, bahkan mencakupi semua khazanah pengetahuan terutama dalam hubungan politik dan komersil di peringkat global (Kahirunisa Sayed Ibrahim, 2008).

Penterjemahan al-Quran ke bahasa sasaran sering menimbulkan isu linguistik memandangkan tiada yang sepenuhnya selari antara bahasa dengan bahasa yang lain dari sudut leksikal, frasa dan ayat (Ali et al., 2012). al-Ni'mah (1997) menegaskan bahawa tiada teks sasaran yang akan menyerlahkan keseluruhan makna asal yang terkandung dalam al-Quran. Setiap huruf, kata, frasa dan ayat al-Quran datang dengan ciri khusus yang mengisyaratkan kepada kemustahilan terjemahan al-Quran menyerlahkan makna teks asal. Rata-rata masyarakat awam yang tidak mempunyai latar belakang bahasa Arab amat bergantung kepada teks terjemahan untuk memahami isi kandungan teks kudus ini. Apabila teks terjemahan tidak mampu menjelmakan maksud sebenar kepada pengguna yang merujuknya, ini menimbulkan persoalan mengenai kualiti terjemahan berkenaan. Kualiti terjemahan akan tercapai sekiranya kehendak dan cita rasa pembaca sasaran dipenuhi di samping penggunaan

laras bahasa sasaran yang sesuai (Wan Hashim, 2008). Maka, tidak hairanlah apabila Byrne (2006) menegaskan bahawa terjemahan yang baik adalah lebih daripada sekadar “gudang” yang dipenuhi maklumat. Sebaliknya, teks sasaran dianggap bermutu apabila mengandungi maklumat yang diperlukan oleh pengguna, iaitu info yang ringkas, tepat, teratur dan padat (Byrne, 2006).

Jordan (1998) mengatakan bahawa pengguna akan berasa terganggu dan tidak selesa jika produk yang digunakan mempunyai tahap kebolegunaan yang rendah. Dunia pada zaman kini sarat dengan peralatan canggih bertujuan memudahkan dan memberikan kepuasan kepada pengguna. Namun, jika peralatan tersebut sukar dikendalikan, maka ini menghalang penggunaannya secara optimum (Jordan, 1998). Kualiti penggunaan pada dasarnya bermaksud sejauh mana suatu produk memenuhi keperluan pengguna dan membantunya mencapai objektif yang disasarkan (Bevan 1995b, 1997). Matlamat yang dikehendaki oleh pengguna sewajarnya dicapai secara berkesan, produktif dan memberikan kepuasan. Hal ini demikian kerana kebolegunaan suatu produk dirumuskan berdasarkan tahap keunggulan [keberkesanan, kecekapan dan kepuasan], kefungsiannya [memenuhi keperluan tersurat dan tersirat] serta kebolehpercayaan [keupayaan produk dalam mengekalkan prestasi] (Bevan, 1997).

2. PERNYATAAN MASALAH

Terjemahan al-Quran merupakan keperluan memandangkan al-Quran adalah panduan bagi semua manusia (Abū Dayf & Ahmad, 2015). Tambahan pula, Desilver dalam Abbasian dan Nazerian (2016) mengatakan bahawa anggaran 25% populasi dunia adalah beragama Islam yang mana kebanyakan daripada mereka bukan dalam kalangan Arab. Maka, mereka merujuk terjemahan al-Quran untuk memahami makna teks asal. Namun, terjemahan al-Quran dilihat sebagai tugas penterjemahan yang paling mencabar (Abdelaal, 2019). Ini kerana penterjemahan daripada bahasa al-Quran ke bahasa sasaran yang lain menimbulkan pelbagai masalah seperti gaya bahasa al-Quran dan mekanismenya, perbezaan budaya antara bahasa Arab dengan bahasa lain dan terjemahan literal (Abdul-Raof, 2001). Maka, setiap karya terjemahan al-Quran menyerlahkan kesan berbeza terhadap pembaca sasaran daripada sudut kefahaman makna terjemahan (Khan, 2008).

Karya terjemahan merupakan produk yang terhasil dalam proses penterjemahan dan dalam proses ini, ada peringkat yang dinamakan Penilaian Kualiti Terjemahan (Larson, 1984). Penilaian kualiti adalah aspek signifikan dalam penterjemahan yang bertujuan memastikan suatu produk terjemahan mencapai fungsi yang disasarkan (Kullab et al., 2023). Namun, penilaian berkenaan bersifat subjektif memandangkan aspek ini dikendalikan oleh penilai teks terjemahan. Penyelidikan berkaitan PKT kebiasaannya cenderung menerapkan model PKT cetusan Reiss (1971), Nord (1991), Williams (2004), Delizee (2011) dan House (1977, 1997, 2015). Setiap model PKT menjana sama ada idea ataupun pendekatan baharu dalam menilai mutu suatu teks terjemahan dengan berteraskan konteks tertentu (Kamalizad & Khaksar, 2018).

Meskipun bermacam kerangka PKT yang digagaskan oleh para sarjana terjemahan, namun aspek penilaian kualiti bagi suatu teks terjemahan masih ada isu dari perspektif metodologi (Han, 2020; Obeidat & Ayyad, 2022). Model PKT sering dikritik memandangkan mekanisme tersebut tidak membantu dari sudut praktikal (Lauscher, 2000). Hakikatnya, mustahil untuk menjana suatu model PKT yang mencapai semua keperluan sekaligus boleh diterapkan untuk menilai kualiti terjemahan tertentu (Williams, 2009). Hassan dan Menacere (2019) menegaskan bahawa pembentukan kerangka PKT yang boleh diaplikasi untuk semua jenis terjemahan tanpa mengira bahasa adalah sukar. Gunawan (2020) berpendapat kompleksnya perbincangan mengenai produk terjemahan dari sudut kualitinya. Ini kerana variasi pendekatan dalam PKT seperti teknik Klotz [*Cloze technique*], teknik

bacaan kuat [*reading-aloud technique*], ujian pengetahuan [*knowledge test*], ujian pencapaian [*performance test*], terjemahan belakang [*back translation*], pendekatan berdasarkan belakang [*back-based approach*] dan instrumen penilaian, iaitu ketepatan [*accuracy*] serta instrumen markah kebolehbacaan [*readability rating instrument*] (Nababan et al., 2012). Williams (2009) menyatakan bahawa sukarnya menjana model PKT dan mengaplikasikannya. Ini berpunca daripada faktor yang berkaitan aspek kesahan [*validity*] dan kebolehpercayaan [*reliability*], iaitu penilai, tahap ketegaran terhadap teks sasaran, keseriusan dari sudut kesilapan, persampelan dan analisis keseluruhan teks, kuantifikasi kualiti, variasi tahap penilaian dan objektif PKT.

Bertitik-tolak daripada ini, kajian yang memfokuskan tinjauan literatur berkaitan PKT al-Quran dilakukan dan permasalahan yang boleh diketengahkan sebagai kajian baharu pada masa kini diteliti.

3. KONSEP KEBOLEHGUNAAN DALAM PENILAIAN KUALITI TERJEMAHAN


Penelitian terhadap konsep kebolehgunaan dalam menilai kualiti teks terjemahan amat kurang dilaksanakan. Kebanyakan kajian yang memfokuskan kebolehgunaan didapati cenderung kepada pengesahan antara muka [*interface*] perisian komputer (Choong, 2013). Hakikatnya, konsep kebolehgunaan tidak hanya tertumpu kepada pengesahan antara muka [*interface*] suatu perisian atau sistem komputer, tetapi juga berkisarkan aspek lain yang berkaitan produk (Jordan, 1998; Byrne, 2006; Leventhal & Barnes, 2008). International Standards Organization dalam Jordan (1998) mengatakan bahawa kebolehgunaan bermaksud sejauh mana sesuatu produk membantu pengguna menyelesaikan tugas dengan berkesan [*effectiveness*] dalam masa yang singkat [*efficiency*] di samping memberi kepuasan [*satisfaction*] terhadap produk.

Namun, Quesenbery (2001) berpendapat definisi ini boleh diperluaskan dengan menitikberatkan atribut seperti berikut:

- 1) Berkesan [*effective*]: Kemampuan pengguna untuk menyelesaikan tugas secara tepat dan menyeluruh.
- 2) Mudah dipelajari [*easy to learn*]: Produk mudah untuk dipelajari sekaligus membolehkan pengguna menyesuaikan diri dengan produk berkenaan di samping menjalankan tugas tanpa bantuan luar.
- 3) Cepak [*efficient*]: Ketangkasan pengguna dalam menyelesaikan sesuatu tugas dengan tepat.
- 4) Menarik [*engaging*]: Produk yang memudahkan dan mesra pengguna. Atribut “menarik” ini dilihat selari dengan istilah “kepuasan” yang diutarakan oleh International Standards Organization dalam Jordan (1998), iaitu berkisarkan perasaan puas hati dengan sesuatu produk yang digunakan dalam pelaksanaan tugas.
- 5) Toleransi terhadap ralat [*error tolerant*]: Bertujuan mengelakkan kesilapan yang berpunca daripada miskonsepsi interaksi pengguna. Atribut ini membantu pengguna agar bebas daripada ralat.

Walau bagaimanapun, atribut “toleransi terhadap ralat” cenderung kepada aplikasi sistem antara muka, iaitu interaksi antara pengguna dengan sistem berkomputer tanpa keterlibatan aktiviti penterjemahan, maka atribut ini tidak perlu diraikan. Oleh hal yang demikian, dengan mengadaptasi konsep kebolehgunaan taksonomi International Standards Organization dalam Jordan (1998) dan Quesenbery (2001), maka model kebolehgunaan dirangka dengan gabungan atribut yang digariskan bagi mengetengahkan pendekatan baharu dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran, iaitu atribut keberkesanan, kebolehbelaian, kecekapan dan kepuasan pengguna. Perkaitan antara terjemahan al-Quran dengan konsep kebolehgunaan dan pembaca sasaran dipaparkan dalam rajah 1 berikut:

Rajah 1. Perkaitan antara terjemahan al-Quran dengan konsep kebolehgunaan dan pembaca sasaran



4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bercirikan kualitatif yang menerapkan kaedah tinjauan literatur sistematik [*systematic literature review [slr]*] bertujuan mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Bem, 1995; Baumeister & Leary, 1997). Metode ini diaplikasi memandangkan kesesuaian dan kerelevanannya dalam menilai secara sistematik keseluruhan penyelidikan yang berkaitan PKT al-Quran dari tahun ke tahun sekali gus menyerlahkan isu baharu dari satu sudut. Kaedah ini menerapkan carian sistematik untuk mengenal pasti PKT al-Quran. Metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan adalah bermula dari 2008 hingga tahun 2023. Kajian lepas diambil bermula dari tahun 2008 kerana merujuk kepada dapatan dalam jadual 1, 2 dan jadual 3, perbincangan berkaitan PKT al-Quran mula dibahas dan dikaji pada tahun tersebut.

Penyelidikan ini menerapkan kaedah tinjauan literatur sistematik [*SLR*] yang mencakupi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metode dan dapatan kajian. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti keperluan konsep kebolehgunaan dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran. Hakikatnya, pendekatan tinjauan literatur sistematik [*SLR*] diterapkan oleh ramai penyelidik mutakhir ini bagi menyorot sejauh mana fenomena yang berlaku sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al., 2006). Dalam kajian ini, kata kunci "*penilaian kualiti terjemahan al-Quran*". "*translation quality assessment of quran*" digunakan bagi mendapatkan data penyelidikan. Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data *google*, *research gate* dan *academia*. Hasil carian dokumen yang berkaitan kajian, hanya 33 yang diterima untuk dianalisis dalam *SLR* dan skop carian bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2023.

Bevan (1995a) berpendapat suatu produk hanya dilabelkan sebagai berkualiti jika produk berkenaan mengandungi persepsi kualiti yang dikehendaki oleh pengguna [*user perceived quality*]. Konsep kebolehgunaan [*usability*] menentukan keberkesanan suatu teks terjemahan (Choong, 2013). Dalam konteks PKT, jika suatu teks sasaran tidak memenuhi jangkaan pembaca, maka kualiti terjemahannya

dianggap rendah. Sebaliknya, sekiranya teks sasaran memenuhi jangkaan pembacanya, maka kualiti terjemahan ditakrifkan sebagai berkualiti tinggi (Bevan, 1995a). Pada dasarnya, ada tiga teknik dalam menilai kebolehgunaan produk, iaitu penilaian oleh golongan pengguna [ujian pengguna], penilaian analisis dan penilaian golongan pakar (Leventhal & Barnes, 2008). Teknik penilaian pengguna merujuk kepada ujian pengguna yang mana maklum balas, pendapat dan persepsi daripada pembaca sasaran dikumpulkan sama ada dalam bentuk objektif, subjektif, kualitatif atau kuantitatif (Leventhal & Barnes, 2008). Penilaian kebolehgunaan berdasarkan kumpulan pengguna membolehkan penerimaan produk akhir dikesan. Oleh hal yang demikian, ujian kebolehgunaan kategori penilaian tinjauan pendapat pengguna, iaitu pembaca sasaran boleh diterapkan dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran. Hal ini demikian kerana sikap, pendapat dan persepsi pengguna mempengaruhi rekaan dan pembentukan suatu produk (Preece et al., 1994). Ini juga mengelakkan daripada penghasilan produk yang tidak memenuhi keperluan dan kehendak pengguna sekaligus tiada pembaziran kos dan masa (Preece et al., 1994). Empat atribut, iaitu atribut keberkesanan, kebolehbelaajaran, kecekapan dan kepuasan pengguna dipilih bagi tujuan menghuraikan konsep kebolehgunaan memandangkan sesuatu terjemahan yang berkualiti sewajarnya memudahkan pembaca sasaran memahaminya [atribut mudah dipelajari] (Nida & Taber, 1974). Dumas dan Redish (1999) juga menegaskan bahawa konsep kebolehgunaan memfokuskan kepada dua elemen utama, iaitu produk dan pengguna produk. Suatu yang jelas ialah sesuatu produk hanya dikira berguna atau mempunyai nilai kebolehgunaan apabila produk berkenaan mampu membantu pengguna menyelesaikan tugas secara berkesan [atribut efektif] dalam masa yang singkat [atribut cekap] (Dumas & Redish, 1999). Ini menunjukkan bahawa kebolehgunaan suatu produk tidak berkisarkan reka bentuk produk semata-mata, tetapi adanya keterlibatan pendapat pengguna terhadap produk. Sekiranya pengguna tidak berminat, berasa kecewa atau tidak yakin terhadap sesuatu produk, maka pengguna akan mengelak daripada menggunakan produk berkenaan (Lim, 2000).

5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Tema Kajian Lepas Berkaitan Penilaian Kualiti Terjemahan al-Quran

Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan penilaian kualiti terjemahan al-Quran. Jika diamati, terdapat tiga tema yang melatari kajian tersebut, iaitu penilaian kualiti terjemahan al-Quran di peringkat leksikal, gaya bahasa dan surah tertentu. Penyelidikan berkisarkan penilaian kualiti terjemahan leksikal al-Quran berjumlah 15 kajian, iaitu:

Jadual 1: Penilaian Kualiti Terjemahan Lesikal al-Quran

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
1.	Ahmad Bazli (2014)	Terjemahan Makna <i>Āyah Kawniyyah</i> dalam Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan <i>Tafsir 'Ilmi</i> .	Menyemak kembali terjemahan makna <i>āyah kawniyyah</i> dalam terjemahan al-Quran sedia ada.	Kualitatif, analisis dokumen.	Ada pemurnian terhadap terjemahan makna sedia ada, iaitu penetapan jantina feminin [النَّحْلُ, نَمْلَةٌ, العَنُكَبُوتُ], penamaan semula [رُطْبًا] dan perluasan terjemahan [أَدْنَى الْأَرْضِ].
2.	al-Ghazalli (2014)	Penilaian Kualiti Terjemahan Kata جَعَلَ dalam al-Quran versi bahasa Inggeris.	Menilai sejauh mana ketepatan terjemahan kata جَعَلَ dalam al-Quran versi bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Kebanyakan kata جَعَلَ datang dengan terjemahan yang tidak sepadan.

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
3.	Ahmad Bazli et al. (2015)	Terjemahan Makna <i>Āyah Kawniyyah</i> Berdasarkan Tafsir 'Ilmi: Satu Penilaian Semula Terhadap Ayat al-Quran Mengenai Penciptaan Tumbuhan.	Menilai semula terjemahan makna <i>āyah kawniyyah</i> berkaitan penciptaan tumbuhan berpandukan fakta sains moden.	Kualitatif, analisis dokumen	Ada penambahan nilai bagi terjemahan kata رُطْبًا dalam 25 <i>Maryam</i> yang diterjemahkan sebagai <i>buah kurma</i> atau <i>tamar</i> sedangkan terjemahan yang lebih sepadan ialah <i>buah kurma basah</i> .
4.	al-Ghamdi (2015)	Penilaian perbandingan dan kritis terhadap terjemahan bahasa Inggeris bagi sifat Allah dalam al-Quran.	Penterjemah al-Quran versi bahasa Inggeris sering menyerlahkan padanan makna yang sama bagi nama-nama Allah yang berunsur sinonim.	Kualitatif, analisis deskriptif	Terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris gagal menyerlahkan perbezaan makna antara nama-nama Allah yang berunsur sinonim secara tepat dan tekal.
5.	Syihabuddin (2016)	Penterjemahan Teks Kudus: Analisis Ketepatan Terjemahan Istilah Kecendekiaan dalam al-Quran dan Terjemahannya.	Menentukan ketepatan terjemahan istilah kecendekiaan dalam al-Quran edisi al-Quran dan Terjemahannya.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Istilah <i>ulū al-'Ilm</i> diterjemahkan secara tepat, namun terma <i>ulū al-Abṣār</i> diterjemahkan dengan terjemahan yang tidak sepadan.
6.	al-Nizar (2017)	Kesepadanan Terjemahan Polisemi: Penelitian Analisis Kandungan pada Terjemahan Surah <i>al-Baqarah</i> Kementerian Agama Republik Indonesia	Meninjau kesepadanan terjemahan polisemi dalam surah <i>al-Baqarah</i> versi bahasa Indonesia terbitan Kementerian Agama Republik Indonesia	Kualitatif, analisis deskriptif	Kesepadanan terjemahan polisemi dalam surah <i>al-Baqarah</i> versi Kementerian Agama Indonesia tergolong dalam terjemahan yang sepadan. Namun, adanya ketidaktepatan dalam menentukan pilihan makna ketika menterjemahkan elemen polisemi jenis kata nama.
7.	Badrul Hisyam (2018)	Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i> ke Bahasa Melayu	Menghuraikan kesan penterjemahan kata kerja al-Quran pola <i>af'ala</i> bagi menangani jurang leksikal terhadap mesej al-Quran dalam Tafsir Pimpian Ar-Rahman [TPR] dan al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan [QMMT]	Kualitatif, kajian kes	Dalam kes tertentu, terjemahan berjaya merapatkan jurang leksikal apabila menjelaskan kata kerja al-Quran yang kompleks, konsep istilah fekah di samping mengekalkan kesantunan bahasa al-Quran. Ketidaksempurnaan dalam menangani jurang leksikal menyebabkan kehilangan sebahagian mesej al-Quran sekaligus

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
					mempengaruhi kualiti terjemahan.
8.	Azman et al. (2019)	Leksikal <i>Qāla</i> [قَالَ] dalam Dialog Naratif al-Quran: Penelitian Makna Komunikatif Terjemahan Melayu.	Menilai terjemahan leksikal <i>qāla</i> [قَالَ] dalam dialog al-Quran.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Terjemahan cenderung menyerlahkan leksikal <i>qāla</i> kepada “berkata” dengan peratusan 48.2%. Masih ada kelompangan untuk meningkatkan kualiti terjemahan leksikal berkenaan berteraskan Teori Terjemahan Komunikatif.
9.	Khoshnoudi (2019)	Penilaian Kualiti Terjemahan Terhadap Kata <i>Rusyd</i> [رُشِد] dalam al-Quran.	Menganalisis sejauh mana ketepatan terjemahan Inggeris bagi kata <i>rusyd</i> [رُشِد] dalam al-Quran.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris sarat dengan kehilangan semantik dan kekurangan ciri semantik dalam teks sasaran.
10.	Lubna et al. (2020)	Kerelevanan Optimum dalam Terjemahan Sifat Allah dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Meninjau sama ada terjemahan sifat Allah, <i>Baṣīr</i> dalam al-Quran mencapai kerelevanan optimum atau sebaliknya.	Kualitatif, analisis kandungan.	Kebanyakan terjemahan sifat Allah, <i>Baṣīr</i> tidak mencapai kerelevanan optimum. Ini kerana maksud yang diberikan oleh penterjemah tidak selari dengan makna sebenar bagi sifat Allah berkenaan.
11.	Nazir et al. (2022)	Terjemahan al-Quran dan Variasi Semantik: Penilaian Kualiti Terjemahan al-Quran.	Menilai sejauh mana kualiti terjemahan al-Quran versi bahasa Urdu berdasarkan model PKT House.	Kualitatif, analisis dokumen	Variasi makna yang melatari leksikal al-Quran tidak sepenuhnya diserlahkan dalam terjemahan al-Quran versi bahasa Urdu.
12.	al-Badrany (2023)	Terjemahan leksikal al-Quran dengan ciri miskonsepsi dalam bahasa Inggeris.	Mengkaji perkaitan antara miskonsepsi penterjemah dengan kesannya terhadap terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Terdapat kesilapan dalam penterjemahan leksikal al-Quran berpunca daripada miskonsepsi, salah rujukan dan kekeliruan terhadap homonim.
13.	Fabrori (2023)	Terjemahan al-Quran Madura dan Kementerian Agama Indonesia: Antara politik terjemahan nasional dan bahasa daerah	Menilai kesepadanan makna al-Quran dan terjemahannya versi bahasa Madura serta kesannya terhadap politik terjemahan negara.	Kualitatif, analisis dokumen.	Kesepadanan makna antara al-Quran dengan terjemahannya versi bahasa Madura dan Kementerian Agama Indonesia menyerlahkan kesepadanan yang dekat. Ada ketidaksepadanan makna antara dua terjemahan tersebut berpunca daripada tafsir

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
					yang digunakan dan hubungan terjemahan dengan budaya tempatan.
14.	Muhammad Luqman & Zulazhan (2023)	Leksikal Eufemisme dalam al-Quran dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu.	Mengenal pasti unsur eufemisme dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu dan menganalisis dari sudut kesantunan berbahasa masyarakat Melayu.	Kualitatif, analisis kontrastif	Adanya usaha penterjemah untuk menerapkan kata berunsur eufemisme bagi mengelakkan penggunaan kata tabu. Meskipun begitu, masih terdapat terjemahan yang kurang menitikberatkan aspek kesantunan menyebabkan teks sasaran menyerlahkan mesej yang terlalu berterus terang.
15.	Ibrāhīm (t.t)	Penilaian Kualiti Terjemahan Terhadap Kata <i>Hikmah</i> [حِكْمَة] dalam al-Quran	Meninjau sejauh mana ketepatan terjemahan Inggeris bagi kata <i>ḥikmah</i> [حِكْمَة] dalam al-Quran.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Terjemahan kata <i>ḥikmah</i> menjadi tepat apabila metode komunikatif digunakan dalam penterjemahan. Namun, terjemahan leksikal tersebut tidak sepadan apabila pendekatan semantik digunapakai.

8 penyelidikan lepas didapati menjurus kepada menilai kualiti terjemahan gaya bahasa al-Quran yang seperti berikut:

Jadual 2: Penilaian Kualiti Terjemahan Gaya Bahasa al-Quran

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
1.	Nasimah & Lubna (2016)	Terjemahan Ayat Figuratif dalam al-Quran: Perbandingan antara penterjemah individu dan kumpulan.	Mengkaji terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu secara individu dan kumpulan bagi meninjau kaedah terjemahan ayat-ayat figuratif.	Kualitatif, analisis dokumen	Terjemahan kumpulan [Yayasan Restu] menyerlahkan output yang lebih berkualiti berbanding terjemahan individu. Namun, dalam konteks terjemahan ayat figuratif dalam al-Quran, terkadang terjemahan individu [Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus] lebih menepati maksud sebenar.
2.	Muhammad Arif et al. (2018)	Terjemahan Ayat <i>Amthāl</i> dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman.	Menganalisis terjemahan ayat <i>amthāl</i> al-Quran dalam bahasa Melayu.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Ada dua kategori ayat <i>amthāl</i> , iaitu ayat yang mudah difahami dan diterjemah serta ayat yang menuntut tafsiran terperinci. Tafsir

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
					Pimpinan al-Rahman dari sudut kategori pertama menyerlahkan terjemahan yang jelas, namun pada kategori kedua, kurangnya huraian terhadap perbandingan yang dilakukan.
3.	Nasimah et al. (2018)	Terjemahan Kinayah dalam Wacana al-Quran: Analisis Teori Semantik Newmark.	Meneliti kesepadanan terjemahan kinayah al-Quran dalam bahasa Melayu.	Kualitatif, analisis kandungan.	Pendekatan semantik terkadang menyerlahkan makna asal teks al-Quran memandangkan ada persamaan makna melalui imej yang sama antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Namun, pendekatan semantik adakalanya menyebabkan makna sebenar tidak diserlahkan dengan jelas disebabkan berbezanya ciri linguistik, budaya dan makna semantik antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu.
4.	Hassan (2019)	Analisis Cabaran dalam Penterjemahan Kolokasi al-Quran ke bahasa Inggeris.	Menilai kesukaran dan cabaran dalam menterjemahkan kolokasi al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kualitatif.	Pendekatan literal adalah teknik yang tertinggi kekerapan penggunaannya dalam penterjemahan kolokasi al-Quran ke bahasa Inggeris.
5.	Hassan & Menacere (2019)	Penilaian Kualiti Terjemahan Kolokasi al-Quran.	Menilai kualiti terjemahan kolokasi al-Quran ke bahasa Inggeris dari sudut ketepatan dan kesetiaan.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris menunjukkan ketidaktekanan dari sudut kandungan dan bentuk. Adanya kualiti terjemahan kolokasi al-Quran ke bahasa Inggeris namun masih gagal menyerlahkan maksud sebenar yang melatari kolokasi al-Quran.
6.	Lubna et al. (2019)	Ketidaktepatan dalam Terjemahan <i>Kināyah</i> al-Quran.	Meninjau kesepadanan terjemahan <i>kināyah</i> al-Quran versi bahasa	Kualitatif dokumen, analisis.	Wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak mesej sebenar

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
			Melayu dengan makna asal teks sumber.		al-Quran ekor an penerapan teknik literal.
7.	Nasimah et al. (2021)	Masalah Semantik dalam Terjemahan <i>Majāz Mursal</i> al-Quran: Analisis Terhadap Hubungan <i>Musabbab</i>	Mengukur ketepatan dan kesepadanan terjemahan <i>majāz mursal</i> al-Quran jenis musabbab dengan mesej asal teks sumber.	Kualitatif, analisis kandungan.	Ada terjemahan bahasa Melayu yang tidak selari dengan maksud sebenar mesej al-Quran memandangkan kecenderungan kepada pendekatan literal.
8.	Nasimah & Saifulah (2022)	Perbandingan Penterjemahan <i>Majāz Mursal</i> al-Quran antara Yayasan Restu dengan Hidayah House of Quran	Membuat perbandingan strategi yang diterapkan oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran untuk meninjau kesepadanan maksud sebenar dalam al-Quran dengan teks sasaran.	Kualitatif, analisis kandungan.	Penggunaan teknik terjemahan secara kata demi kata menyebabkan tidak wujud kesepadanan makna dengan teks asal. Untuk mencapai kesepadanan dalam terjemahan, makna implisit dalam <i>majāz mursal</i> al-Quran perlu diserlahkan ke dalam teks sasaran.

Manakala 10 literatur didapati berkaitan penilaian kualiti terjemahan surah al-Quran yang seperti berikut:

Jadual 3: Penilaian Kualiti Terjemahan Surah al-Quran

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
1.	Tardi (2008)	Koheren Terjemahan al-Quran: Analisis Struktural Terjemahan al-Quran Jabatan Indonesia Edisi 2002.	Meninjau pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Indonesia pada tahun 2002 dalam menterjemahkan al-Quran ke bahasa Indonesia.	Kualitatif, analisis kontrastif.	Terjemahan al-Quran terbitan Jabatan Indonesia tahun 2002 cenderung kepada ciri semantik, iaitu penterjemahan yang tidak terlalu terikat dengan ciri bahasa sumber. Meskipun begitu, terjemahan tersebut masih mengekalkan struktur bahasa sumber, makna dan larasnya secara umum agar teks sasaran kelihatan tekstual yang tidak bersifat literal.
2.	Hilman (2010)	Analisis Semantik terhadap Terjemahan al-Quran (Surah <i>al-Duhā</i> dan <i>al-Insyirāh</i>): Kajian Komparatif antara Terjemahan Mahmud Yunus	Menganalisis perbezaan dan persamaan makna dalam Terjemahan Mahmud Yunus dan T.M. Hasbi ash Shiddieqy.	Kualitatif, analisis deskriptif	Gaya terjemahan semantik leksikal yang menyerlahkan persamaan dan perbezaan antara Terjemahan Mahmud Yunus dan T.M. Hasbi ash Shiddieqy adalah

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
		dengan T.M. Hasbi ash Shiddieqy.			aspek tujuan [instension]. Terjemahan Mahmud Yunus bersifat ringkas dan sederhana manakala terjemahan T.M. Hasbi ash Shiddieqy sarat dengan nota kaki dan tambahan terjemahan.
3.	Abdelaal & Rashid (2016)	Kehilangan tatabahasa dan semantik dalam terjemahan surah <i>al-A'raf</i> .	Mengkaji kehilangan tatabahasa dalam terjemahan surah <i>al-A'raf</i> versi bahasa Inggeris dan kesannya terhadap kehilangan ciri semantik.	Kualitatif, analisis deskriptif	Adanya kehilangan [loss] dalam penterjemahan ciri tatabahasa seperti kata hubung dan susunan sintaksis. Kehilangan ciri tatabahasa mengundang kepada kehilangan sebahagian semantik bagi makna ekspresif dan komunikatif.
4.	al-Sukhni et al. (2016)	Penilaian Automatik bagi Mesin Terjemahan dalam Talian: Kajian Kes terhadap Teks al-Quran.	Menilai kualiti terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris dalam mesin terjemahan automatik percuma dalam talian, iaitu <i>Google</i> dan <i>Bing Translators</i> .	Kuantitatif, kajian eksperiment al.	Output sistem <i>Google Translate</i> lebih berkualiti berbanding output <i>Bing Translator</i> . Purata markah bagi mesin terjemahan tidak melebihi 41 sekaligus mengisyaratkan bahawa sistem mesin terjemahan percuma dalam talian kurang efektif bagi menterjemahkan al-Quran.
5.	Hidyan (2018)	Analisis Pragmalinguistik terhadap Terjemahan Surah <i>Yūsuf</i> .	Mengkaji kewujudan lakuan pertuturan yang berlainan dalam terjemahan surah <i>Yūsuf</i> versi bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis dokumen.	Terjemahan surah <i>Yūsuf</i> dalam kes tertentu gagal menyerlahkan makna sebenar teks asal dari sudut lakuan pertuturan. Ini berpunca daripada perbezaan ciri bahasa Arab dengan bahasa Inggeris, pengetahuan budaya dan pengetahuan tentang konteks situasi.
6.	al-Anbari (2020)	Persepsi pembaca terhadap Dua Terjemahan al-Quran versi Inggeris.	Menilai persepsi pembaca dalam kalangan Arab dan bukan Arab terhadap dua terjemahan al-	Campuran antara kuantitatif dengan kualitatif.	Atribut kejelasan [clarity] adalah ciri terpenting dalam PKT al-Quran. Bukan penutur jati berpendapat terjemahan al-Quran

Bil.	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
			Quran versi bahasa Inggeris.		versi <i>The Clear Quran</i> lebih berkualiti berbanding versi <i>The Quran</i> .
7.	Gunawan et al. (2020)	Terjemahan al-Quran di Indonesia: Kajian Kes terhadap Terjemahan Muhammad Thalib bagi surah <i>Yāsīn</i> .	Menganalisis kesan teknik terjemahan terhadap kualiti terjemahan al-Quran versi Muhammad Thalib.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Teknik diskursif mengurangkan ketepatan [accuracy] terjemahan Muhammad Thalib. Kualiti terjemahannya dari sudut kebolehterimaan [acceptability] dan kebolehbacaan [readability] terkadang rendah disebabkan kekerapan Muhammad Thalib menggunakan teknik pinjaman kata.
8.	Akbarkarksi & Asghari (2022)	Penilaian Kualiti Terjemahan al-Quran dalam bahasa Parsi	Menilai kualiti terjemahan surah Yusuf versi bahasa Parsi berdasarkan teknik <i>compensation</i> cetusan Vinay dan Darbelnet.	Kualitatif, analisis deskriptif	Teknik <i>compensation</i> berkesan dalam menyampaikan maksud asal teks sumber. Namun, sebahagian mesej al-Quran tidak diserlahkan dalam teks sasaran meskipun pendekatan berkenaan diaplikasi.
9.	Farrokhpour (2023)	Kualiti terjemahan dari Perspektif Fungsional Sistemik: Kes tentang Idea Meta-Fungsi dalam Sampel Terjemahan al-Quran.	Menilai kualiti terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris dari sudut linguistik fungsional sistemik.	Kualitatif, analisis deskriptif	Sesetengah idea meta-fungsi dalam surah <i>Yūsuf</i> hilang dalam terjemahan al-Quran Inggeris. Kesilapan leksikal, morfologi, sintaksis dan semantik dalam terjemahan al-Quran berpunca daripada pengabaian ciri khusus linguistik al-Quran sekaligus mempengaruhi kesepadanan terjemahan.
10.	Nurul (2023)	Politik Bahasa Terjemahan al-Quran: Kajian Terhadap Terjemahan Ayat Perang dalam <i>Quran: a Reformist Translation</i> .	Menganalisis isu terjemahan ayat al-Quran berkaitan peperangan dalam <i>Quran: a Reformist Translation [QRT]</i>	Kualitatif, analisis deskriptif.	Analisis kesepadanan gagasan Baker memperlihatkan <i>QRT</i> menyerlahkan dua isu kesepadanan, iaitu pertembungan istilah semantik dan masalah kesepadanan dalam menggambarkan penggunaan politik bahasa dalam <i>QRT</i> .

5.2 Fokus Kajian Lepas Berkaitan Penilaian Kualiti Terjemahan al-Quran

Objektif kedua kajian adalah untuk menilai secara kritis fokus literatur lepas berkaitan PKT al-Quran. Berdasarkan jadual 1, 2 dan jadual 3, dapat dibuat rumusan terhadap tinjauan literatur sistematik [SLR] dari sudut fokus penyelidikan lepas berkaitan PKT al-Quran seperti berikut:

5.2.1 Isu kajian

Berdasarkan jadual 1, 2 dan jadual 3, ada 33 kajian berkaitan PKT al-Quran. Isu yang difokuskan oleh para penyelidik terdahulu lebih berkisarkan penilaian leksikal al-Quran dengan 15 kajian daripada keseluruhan mencakupi aspek tersebut seperti terjemahan kata الْعُنْكَبُوتُ, نَمْلَةٌ, النَّحْلُ yang berkaitan ayat *kawniyyah* (Ahmad Bazli, 2014), sifat-sifat Allah (al-Ghamdi, 2015; Lubna et al., 2020), kata polisemi (al-Nizar, 2017), kata kerja pola *af'ala* (Badrul Hisyam, 2018), kata جَعَلَ (al-Ghazalli, 2014) dan istilah kecendekiaan (Syihabuddin, 2016). Hanya 8 kajian yang membincangkan PKT gaya bahasa al-Quran, iaitu kualiti terjemahan ayat figuratif (Nasimah & Lubna, 2016), ayat *amthāl* (Muhammad Arif et al., 2018), elemen *kināyah* (Nasimah et al., 2018; Lubna et al., 2019), kolokasi al-Quran (Hassan, 2019; Hassan & Menacere, 2019) dan kualiti terjemahan *majāz mursal* (Nasimah et al., 2021; Nasimah & Saifulah, 2022). Jika diamati, penilaian terhadap kualiti terjemahan leksikal dan gaya bahasa tersebut cenderung kepada perbandingan antara teks sumber dengan teks sasaran berteraskan rujukan daripada tafsir al-Quran yang muktabar. Meskipun ada usaha menilai kualiti terjemahannya dari aspek penggunaan model PKT cetusan House (Nazir et al., 2022), gagasan Reiss (2000), terjemahan komunikatif (Azman et al., 2020), pendekatan semantik (Nasimah et al., 2018), santunan berbahasa Melayu (Muhammad Luqman & Zulazhan, 2023), kerelevanan optimum (Lubna et al., 2020) dan fakta sains moden (Ahmad Bazli, 2015), namun masih tiada lagi penyelidikan khusus berkaitan PKT al-Quran dari sudut kebolegunaan terjemahan yang berteraskan pengguna. Maka, tidak hairanlah apabila Choong (2013) menegaskan bahawa kualiti teks terjemahan kerap dinilai dari sudut ketepatan makna, pengekalan laras bahasa, persamaan tindak balas dan keberkesanan proses komunikasi yang mana berkisarkan penterjemah dan perbandingan antara teks sumber dengan teks sasaran. Teks sasaran jarang dinilai dari sudut kebolegunaan yang berteraskan pengguna, iaitu pembaca sasaran (Choong, 2013).

5.2.2 Rangsangan kajian penilaian kualiti terjemahan al-Quran

Analisis tinjauan literatur sistematik [SLR] sebagaimana dalam jadual 1, 2 dan jadual 3 menjana maklumat untuk membincangkan lebih terperinci berkaitan rangsangan atau latar belakang kajian PKT al-Quran. Rangsangan utama yang menjadi titik tolak kepada penyelidikan PKT al-Quran terbahagi kepada tiga, iaitu sudut leksikal, gaya bahasa dan surah tertentu.

Dari aspek PKT leksikal al-Quran, rangsangan utamanya ialah tingginya kekerapan penggunaan leksikal tersebut dan kesukaran mencari padanannya yang membawa kepada penelitian terhadap ketepatan [accuracy] dan kesepadanan [equivalence] terjemahannya. Azman et al. (2019) menegaskan bahawa kata قَالَ /qāla/ dan derivasinya kerap digunakan dalam pola perbualan dan wacana al-Quran yang mana terjemahannya yang sedia ada tidak memberikan kesan mendalam kepada pembaca. Begitu juga ketepatan terjemahan kata kerja pola أَفْعَلَ /af'ala/ yang disorot memandangkan tingginya pengulangan penggunaannya dalam al-Quran dan adanya jurang leksikal (Badrul Hisyam, 2018). al-Badrany (2023) mengatakan bahawa kebanyakan terjemahan al-Quran berkisarkan dua isu, iaitu miskonsepsi terhadap makna leksikal al-Quran disebabkan penterjemah yang kurang kompeten dan kesukaran mencari padanan terjemahan dalam bahasa sasaran. Maka, tidak hairanlah apabila timbulnya isu ketidaktepatan terjemahan istilah kecendekiaan dalam al-Quran yang berpunca dari penterjemah yang tidak cermat (Syihabuddin, 2016), terjemahan Inggeris yang

sama bagi variasi sifat Allah (al-Ghamdi, 2015) dan pengabaian terjemahan elemen eufemisme (Muhammad Luqman & Zulazhan, 2023). Rangsangan utama lain yang menarik penyelidikan terhadap PKT leksikal al-Quran ialah ciri kata al-Quran yang sarat dengan makna retorik, semantik dan budaya. Contohnya leksikal جَعَلَ /ja 'ala/ dalam al-Quran datang dengan makna tersirat dan ini bergantung kepada konteks yang melatarinya (al-Ghazalli, 2014). Kata رُسُود /rusyd/ (Khoshnoudi, 2019) dan kata حِكْمَة /hikmah/ (Ibrāhīm, t.t) berunsurkan budaya agama yang datang dengan variasi makna retorik (Nida, 1964). Maka, PKT leksikal al-Quran dengan ciri berkenaan sewajarnya dilakukan untuk meninjau sejauh mana kualiti terjemahannya. PKT gaya bahasa al-Quran memperlihatkan rangsangan utama bagi penyelidikan tersebut ialah pendekatan tertentu sewajarnya diaplikasikan dalam penterjemahan gaya bahasa bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang berlainan unsur budaya dan semantik agar dapat memberikan kefahaman yang betul kepada pembaca (Nasimah & Lubna, 2016; Nasimah & Saifulah, 2022). Gaya bahasa al-Quran yang tinggi, iaitu *amthāl* [perumpamaan] (Muhammad Arif et al., 2018), ungkapan figuratif seperti *isti'ārah* [metafora], *kināyah* (Nasimah et al., 2018) dan *majāz mursal* (Nasimah et al., 2021) menuntut pengamatan yang lebih ekoran daripada fahaman literal yang tidak bertepatan dengan maksud asal.

PKT surah al-Quran pula memperlihatkan rangsangan teras bagi kajian tersebut ialah membandingkan kesepadanan terjemahan antara teks terjemahan al-Quran dengan teks sasaran yang lain yang mana 8 daripada 10 literatur kategori ini memfokuskan aspek berkenaan. Hilman (2010) memfokuskan PKT surah *al-Duḥā* antara dua terjemahan al-Quran versi bahasa Indonesia, al-Anbari (2020) menilai kualiti terjemahan surah *al-Fātiḥah* dan ayat surah *al-Nūr* berdasarkan dua terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris. Dalam pada itu, Hidyān (2018), Akbarkarkasi dan Asghari (2022) serta Farrokipour (2023) memfokuskan PKT surah *Yūsuf*, namun melibatkan bahasa sasaran dan konteks yang berbeza seperti kesepadanan terjemahan surah *Yūsuf* antara tiga terjemahan versi bahasa Parsi dengan berteraskan teknik *compensation* cetusan Vinay dan Darbelnet (Akbarkarkasi & Asghari, 2022), perbandingan padanan terjemahan surah *Yūsuf* antara empat teks Inggeris dari sudut pragmatik, iaitu lakuan pertuturan [*speech act*] (Hidyān, 2018) dan padanan terjemahan surah *Yūsuf* antara dua teks versi bahasa Inggeris dari perspektif linguistik fungsional sistematik [*systemic functional linguistic*] (Farrokipour, 2023).

Tardi (2008) membincangkan tentang keberkesanan strategi struktural bagi memperoleh kesepadanan makna dalam terjemahan surah *al-Baqarah* versi bahasa Indonesia. Namun, sekiranya tiada padanan terjemahan, maka pendekatan semantik kategori transposisi boleh diaplikasi. Selain itu, Abdelaal dan Rashid (2016) menganalisis PKT surah *al-A 'rāf* dari sudut kehilangan tatabahasa dan semantik dalam teks sasaran. al-Sukhni (2016) pula memfokuskan PKT surah *al-Fātiḥah*, *al-Baqarah*, *al-Kahfi* dan surah *Yāsīn* berdasarkan perbandingan output antara mesin terjemahan automatik percuma dalam talian, iaitu sistem *Google* dengan *Bing Translators*.

5.3 Cadangan Isu Baharu Untuk Dikaji Dalam Penilaian Kualiti Terjemahan al-Quran

Analisis tinjauan literatur sistematik [SLR] dalam jadual 1, 2 dan jadual 3 yang menjelaskan persuratan lepas berkaitan PKT al-Quran secara tidak langsung mendukung penyelidikan seterusnya dalam meninjau aspek yang telah difokuskan di samping mengetengahkan isu baharu dan kelompangan dalam bidang ini yang menjadi objektif ketiga kajian. Sebagaimana yang diutarakan sebelum ini, kajian yang berkaitan PKT al-Quran didominasi oleh kajian yang menerapkan pendekatan kualitatif, iaitu sebanyak 32 kajian. Maka, penyelidikan bercirikan kualitatif boleh diterapkan sekiranya objektif kajian cenderung kepada meneroka, membuat perbandingan atau memahami fenomena tentang suatu isu (Stake, 2010).

Berdasarkan jadual 1, 2 dan jadual 3, kajian lepas cenderung kepada PKT leksikal al-Quran jenis kata nama dengan 8 daripada 15 kajian keseluruhannya membincangkan aspek tersebut. Maka, tidak hairanlah apabila al-Sonaid (2018) mengatakan bahawa hampir 300 leksikal al-Quran berkemungkinan disalah mengerti yang mengundang kepada kesilapan terjemahan. Selain itu, penyelidikan terdahulu kurang menerapkan model PKT khusus yang holistik dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran sama ada di peringkat leksikal [jadual 1], gaya bahasa [jadual 2] mahupun surah tertentu [jadual 3]. Ini kerana kajian lepas lebih menumpukan kepada aspek ketepatan [*accuracy*] dan kesepadanan [*equivalence*] dalam menilai teks terjemahan al-Quran tanpa memfokuskan maklum balas pengguna terhadap teks terjemahan sebagai mekanisme utama yang menjadi kelompangan dalam penyelidikan PKT al-Quran.

Syihabuddin (2016) menerapkan teori ketepatan terjemahan cetusan Larson (1984) bagi menilai ketepatan terjemahan istilah kecendekiaan al-Quran manakala teori ketepatan dan konsistensi cetusan Newmark (1981) pula diaplikasi bagi menilai ketepatan terjemahan sifat Allah dalam al-Quran (al-Ghamdi, 2015) dan kualiti terjemahan leksikal رُشْد (Khoshnoudi, 2019). Selain itu, teori kesepadanan gagasan Baker (1992) digunakan bagi membandingkan padanan terjemahan antara teks terjemahan al-Quran versi bahasa Indonesia yang baku dengan bahasa daerah (Fabrori, 2023) di samping padanan terjemahan ayat perang dalam al-Quran versi bahasa Indonesia (Nurul 2023). al-Nizar (2017) juga menjadikan teori kesepadanan cetusan Baker (1992) bagi menilai padanan terjemahan leksikal polisemi al-Quran. Seterusnya, jadual 1, 2 dan jadual 3 juga memperlihatkan PKT al-Quran dilakukan dengan meninjau keberkesanan pendekatan tertentu dalam menyerlahkan terjemahan yang berkualiti. Kaedah terjemahan semantik dan komunikatif gagasan Newmark (1981) diterapkan bagi meninjau koheren terjemahan al-Quran versi bahasa Indonesia (Tardi, 2008) dan menilai kualiti terjemahan leksikal جُحْمَة al-Quran versi bahasa Inggeris. Nasimah et al. (2018) juga menerapkan teknik terjemahan taksonomi Newmark berkenaan bagi menilai kesepadanan terjemahan *kināyah* al-Quran versi bahasa Melayu. Konsep eksplisitasi cetusan Vinay dan Darbelnet (1995) serta Klaudy dan Karoley (2005) pula diaplikasi dalam kajian Nasimah & Saifulah (2022) bagi meninjau perbandingan strategi terjemahan *majāz mursal* al-Quran yang diterapkan dalam dua teks sasaran versi bahasa Melayu. Akbarkarkasi & Asghari (2022) memfokuskan PKT surah *Yūsuf* dalam bahasa Parsi dari sudut keefesienan teknik *compensation* taksonomi Vinay dan Darbelnet. Suatu yang pasti ialah kajian tersebut semata-mata menilai kualiti terjemahan al-Quran berteraskan teknik terjemahan tanpa menitikberatkan kebolegunaan teks sasaran yang berteraskan pendapat pembaca sasaran.

Di samping itu, didapati daripada jadual 1, 2 dan jadual 3 tatacara PKT al-Quran adalah berpandukan teori terjemahan dan linguistik yang relevan. Abdelaal dan Rashid (2022) menerapkan teori kehilangan dalam terjemahan [*translation loss*] cetusan Hervey dan Higgins (1992) bagi menilai padanan terjemahan surah *al-A'rāf* versi bahasa Inggeris. Teori linguistik fungsional sistematik gagasan Halliday & Matthiessen (2014) diaplikasi dalam Farrokipour (2023) bertujuan menilai kualiti terjemahan surah *Yūsuf* versi bahasa Inggeris dari aspek tersebut. Dalam pada itu, 9 kajian lepas (Hilman, 2010; Ahmad Bazli, 2014; Ahmad Bazli et al., 2015; Nasimah dan Lubna, 2016; Muhammad Arif et al., 2018; Lubna et al., 2019; Nasimah et al., 2021; Hassan & Menacere (2019) al-Badrany (2023)) memfokuskan kualiti terjemahan al-Quran dengan membandingkan antara ciri teks sumber dengan ciri teks sasaran semata-mata tanpa menerapkan teori terjemahan tertentu. Penyelidikan ini hanya berpada dengan merujuk kepada kamus bahasa, tafsir al-Quran yang muktabar dan buku *‘ulūm al-Qurān* tanpa meraikan teori terjemahan mahupun model PKT sebagai landasan kajian. Apa yang jelas, kajian berkenaan tidak mengetengahkan konsep kebolegunaan yang berteraskan pandangan pengguna produk dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran.

Jika ditinjau daripada jadual 1, 2, dan jadual 3, hanya 4 literatur terdahulu didapati menerapkan model PKT tertentu dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran, iaitu di peringkat leksikal dan surah (al-Ghazalli, 2014; Hidyen, 2018; Gunawan et al., 2020; Nazir et al., 2022). Model PKT cetusan Reiss (2000) yang menekankan kepada pengaruh leksikal sekitar *[co-text]* dalam menyerlahkan padanan leksikal dan padanan semantik diterapkan dalam al-Ghazalli (2014) bagi menilai mutu terjemahan leksikal جَعَلَ dalam al-Quran versi bahasa Inggeris. Selain itu, Hidyen (2018) mengutarakan model PKT gagasan al-Qinai (2000) yang menitikberatkan analisis tekstual menyeluruh dengan mengambil kira persamaan sintaksis dan pragmatik antara teks sumber dengan teks sasaran. Model ini digunakan bertujuan menilai kualiti terjemahan surah *Yūsuf* versi bahasa Inggeris dari aspek lakuan pertuturan. Model PKT taksonomi House yang berteraskan tiga aspek, iaitu bidang *[field]*, bunyi bahasa *[tenor]* dan cara penyampaian *[mode]* diterapkan dalam Nazir et al. (2022) bagi menilai kualiti terjemahan surah *al-Duhā* versi bahasa Urdu. Maka, tidak hairanlah apabila Zandian et al. (2021) menegaskan bahawa model PKT cetusan House (2015) dan al-Qinai (2000) adalah model terpenting dalam menjana set parameter model PKT. Seterusnya, Gunawan et al., (2020) menggunakan model PKT berteraskan instrumen penskoran kebolehbacaan *[readability]* dan ketepatan *[accuracy]* cetusan Nagao, Tsuji dan Nakamura sebelum diadaptasi oleh Nababan et al. (2012) yang memfokuskan tiga aspek, iaitu kebolehbacaan, ketepatan dan kebolehterimaan *[acceptability]*. Model ini diaplikasi bertujuan menilai kualiti terjemahan surah *Yāsīn* versi bahasa Indonesia dari tiga aspek tersebut. Jika diamati, hanya perbincangan kumpulan berfokus *[focus group discussion]* terlibat dalam PKT al-Quran yang mana penilainya hanya terdiri daripada panel pakar dalam pengajian terjemahan Arab (Gunawan et al., 2020). Hakikatnya 4 literatur yang berteraskan model PKT berkenaan memperlihatkan tiada penglibatan orang awam yang merupakan pengguna terbesar terjemahan al-Quran sekaligus PKT al-Quran tidak disorot dari aspek kebolehgunaan produk dalam kalangan pengguna majoriti.

Tidak dinafikan bahawa kajian al-Anbari (2020) didapati berkisarkan PKT al-Quran versi bahasa Inggeris dengan mengambil kira persepsi pembaca sasaran. Namun, instrumen soal selidik yang diterapkan tidak sepenuhnya memfokuskan pandangan pembaca sasaran yang bukan penutur jati Arab. Ini kerana ada item soal selidik yang membincangkan tentang ketepatan makna dan ketekalan terjemahan berdasarkan teks sumber (al-Anbari, 2020). Jika diamati dalam jadual 1, 2 dan jadual 3, PKT al-Quran berkenaan tidak berteraskan aspek kebolehgunaan dalam kalangan pembaca sasaran secara holistik. Hakikatnya, terjemahan yang merupakan produk direka bertujuan memudahkan pengguna mencapai matlamat mereka, iaitu pemerolehan maklumat dan penyelesaian tugas secara efektif dalam masa yang singkat (Choong, 2013). Oleh sebab itu, terjemahan selaku produk sewajarnya menjadi bahan yang mudah diakses dan difahami oleh pembaca sasaran yang merupakan pengguna. Pernyataan ini penting memandangkan terjemahan ialah penghasilan semula, iaitu salinan daripada teks sumber (Nida, 1964). Roosfa (2006) berpendapat kualiti terjemahan yang rendah menyebabkan sambutan pembaca yang rendah terhadap karya terjemahan. Hal ini demikian kerana terjemahan dikategorikan sebagai berkualiti sekiranya memenuhi keperluan dan kehendak pembaca sasaran (Choong, 2013). Pembaca sasaran yang menjadi pengguna suatu produk terjemahan terdiri daripada sifat dan kemahuan yang berbeza (Faulkner, 1998). Maka, tidak hairanlah apabila Wan Hashim (2008) menegaskan bahawa tercapainya kualiti terjemahan apabila teks sasaran memenuhi keperluan dan kehendak pembaca di samping pengekal mutiara bahasa. Ini menunjukkan bahawa konsep kebolehgunaan menentukan keberkesanan suatu teks terjemahan (Choong, 2013).

6. KESIMPULAN

Analisis *SLR* berkaitan PKT al-Quran menunjukkan bahawa penyelidikannya lebih tertumpu kepada penilaian kualiti di peringkat mikro, iaitu leksikal berbanding makro yang melibatkan gaya bahasa, keseluruhan ayat dan surah. Ini juga memperlihatkan persuratan lepas berkaitan PKT al-Quran cenderung kepada penggunaan terma ketepatan [*accuracy*] dan kesepadanan [*equivalence*] terjemahan berbanding istilah kualiti terjemahan yang sering digunakan dalam pengajian terjemahan. Oleh sebab itu, teori ketepatan dan kesepadanan sering dijadikan sebagai landasan dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran. PKT al-Quran juga dilakukan dari sudut menilai kerelevanan teknik terjemahan tertentu, teori terjemahan dan teori linguistik. Perbandingan secara langsung antara teks al-Quran dengan teks sasaran tanpa penerapan teori juga kerap diaplikasi dalam menilai kualiti terjemahannya dengan hanya mengambil kira rujukan tafsir al-Quran yang muktabar. Suatu yang pasti ialah jaranganya kualiti terjemahan al-Quran dinilai berdasarkan konsep kebolehgunaan, iaitu melibatkan pembaca sasaran yang majoritinya orang awam walhal kumpulan ini adalah pengguna akhir terbesar bagi produk terjemahan. Kurangnya atribut, kriteria dan perimeter dalam PKT al-Quran yang menggunakan pendapat dan pandangan pembaca sasaran sebagai data teras dalam menilai kualiti terjemahan padahal utuhnya perkaitan antara produk dengan pengguna produk bagi menilai kebolehgunaan suatu output. Meskipun tidak dinafikan bahawa tiada model PKT yang mencakupi semua atribut penilaian terjemahan al-Quran, namun konsep kebolehgunaan produk sewajarnya diberikan perhatian sekaligus menjadi mekanisme baharu dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran yang sarat dengan edisi kemaskini dan variasi versi bahasa sama ada di peringkat tempatan mahupun global. Dalam erti kata lain, produk terjemahan al-Quran seharusnya menitikberatkan maklum balas pembaca sasaran agar kualiti terjemahan dapat ditambah nilai dari semasa ke semasa sekaligus menghasilkan produk berkualiti yang memenuhi keperluan pengguna.

7. RUJUKAN

- Abbasian, G., & Nazerian, S. (2016). Problems and strategies in translation of quranic divine attributes. Saarbrucken, Germany: Lambert Academy Publishing.
- Abdelaal, N. M. (2019). Translating denotative meaning in the holy quran: Problems and solutions. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(1), 13-33. https://www.researchgate.net/publication/332465911_Translating_Denotative_Meaning_in_the_Holy_Quran_Problems_and_Solutions
- Abdelaal, N., & Md Rashid, S. (2016). Grammar-related semantic losses in the translation of the holy quran, with special reference to surah al-a'rāf (the heights). *SAGE Open*. 6. 10.1177/2158244016661750.
- Abdul-Raof, H. (2001). *The Qur'an translation: Discourse, texture and exegesis*. London, England: Routledge.
- Abobaker Ali, M. Alsaleh Brakhw, Munif Zarirruddin Fikri Bin Nordin, and Sharifah Fazliyatun ShaikIsmail, "Some Linguistic Difficulties in Translating the Holy Quran from Arabic into English," *International Journal of Social Science and Humanity* vol. 2, no. 6, pp. 588-590, 2012.
- Abū Dayf, S. A., & Aḥmad, M. Q. T. (2015). Tarājim ma'āniy al-qur'ān al-karīm ilā al-injilīziyyat: Dirāsah tarkībiyyah dilāliyyah muqāranah sūratay al-fātiḥah wa bidāyāh sūrah al-baqarah unmuḍhajan. *Majallah Kulliyyah al-Dirāsah al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banāt bi al-Iskandariyyah*. 1-34. <https://repository.psau.edu.sa/jspui/handle/123456789/138>
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Rossidi Usop & Selamat Amir. (2015). Terjemahan makna ayat kawniyyat berdasarkan tafsir 'ilmi: Satu penilaian semula terhadap ayat al-quran mengenai penciptaan tumbuhan. *Jurnal Darul Quran*. 123-140.

- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi. (2014). *Terjemahan makna āyah kawniyyah dalam terjemahan al-quran bahasa melayu: Analisis berdasarkan tafsir 'ilmi*. [Master's thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia].
- Akbarkarkasi, M., & Asghari, J. (2022). Evaluation of the translation quality of the holy qur'an based on the "compensation" strategy of vinet and darbelnet; A case study of the translation of surah yusuf by makarem shirazi, elahi qomsheai and sadeghi tehrani [in persian]. *The Journal of Applied Language Analysis (JSAL)*, 5(2), 41-67. doi:10.22034/jlttl.2022.254481
- al-Anbari, N. (2020). *Readers' perceptions towards two english translations of the quran"*. [Master's thesis, University of Texas Rio Grande Valley, Edinburg, United States] <https://scholarworks.utrgv.edu/etd/603>
- al-Badrany, Y. Y. (2023). The translation of some misunderstood qur'anic words into english. *Theory and Practice in Language Studies*, 13(2), 385-395. doi:10.17507/tpls.1302.13
- al-Ghamdi, S. A. (2015). Critical and comparative evaluation of the english translations of the near-synonymous divine names in the qurān. [Doctoral dissertation, University of Leeds, Leeds, United Kingdom]. <https://etheses.whiterose.ac.uk/9592/>
- al-Ghazalli, M. (2014). Translation assessment of the english renditions of the verb ja'ala (جعل) in quranic texts. *English Linguistics Research*. 3. 10.5430/elr.v3n2p33
- Ali, A., Brakhw, M., Nordin, M., Ismail, S. F. S. (2012). Some linguistic difficulties in translating the holy quran from arabic into english. *International Journal of Social Science and Humanity*. 2. 588-590. doi:10.7763/IJSSH.2012.V2.178
- al-Ni'mah, I. (1997). *'Ulūm al-qur'ān*. Mosul, Iraq: Dār al-Kutub.
- al-Nizar, F. (2017). Kesepadanan terjemahan polisemi: Penelitian analisis kandungan pada terjemahan surah al-baqarah kementerian agama. *Hayula: Indonesian Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*, 1(2). doi:10.21009/hayula.001.2.01.
- al-Qinai, J. (2000). Translation quality assessment: Strategies, parametres and procedures. *Meta Translators' Journal*, 45(3), 497-519. doi:10.7202/001878ar
- al-Sonaid, A. (2018). *Akthar min 300 kalimah qur'āniyyah qad tufham khaṭa'*. Riyadh, Saudi Arabia: Dār al-Ḥaḍārāh li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- al-Sukhni, E., al-Kabi, M. N., & al-Asmadi, I. M. (2016). An automatic evaluation for online machine translation: Holy quran case study. (*IJACSA*) *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 7(16). doi:10.14569/IJACSA.2016.070614
- Al-Timsimani, M. H. (2002). Tareekh Ḥarakat Tarjamat Ma'ani Al-Qur'an Al-Kareem Min Qibal Al-Mustashriqeen Wa Dawafi'uha Wa Khataruha. Research submitted in the Symposium on Translation of the Meanings of the Noble Qur'an. Kingdom of Saudi Arabia.
- Azman Che Mat, Azani Ismail@Yaakub & Norasmazura Muhammad. (2019). Leksikal qāla [قَالَ] dalam dialog naratif al-quran: Penelitian makna komunikatif terjemahan melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 26(1), 51-87. doi:10.21315/kajh2019.26.1.3
- Badrul Hisyam Mohd Yasin. (2018). *Jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola af'ala ke bahasa Melayu*. . [Doctoral dissertation, University of Putra Malaysia, Selangor, Malaysia]. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83263/>
- Baker, M. (1992). *In other words: A course book on translation*. London: Routledge.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing narrative literature reviews. *Review of general psychology*. 1(3), 311-320.
- Bem, D. J. (1995). Writing a review article for psychological bulletin. *Psychological Bulletin*. 118, 172-177.
- Bevan, N. (1995a). Measuring usability as quality of use. *Software Quality Journal*, 4(2), 115-130. doi:10.1007/BF00402715

- Bevan, N. (1995b). *Usability is quality of use*. In K. O., Yuichiro Anzai & M., Hirohiko (Eds.). Paper presented at the Proceedings of the 6th International Conference on Human Computer Interaction, Yokohama, Japan.
- Bevan, N. (1997). *Quality and usability: A new framework*. (Veenendaal, E., & McMullan, J., Eds.). Delft, Netherlands: Tutein Nolthenius.
- Byrne, J. (2006). *Technical translation: Usability strategies for translating technical documentation*. Dordrecht, Netherlands: Springer Netherlands.
- Choong, F. Y. (2013). *Kebolegunaan terjemahan teknikal dan aplikasi konsepnya untuk menilai kualiti terjemahan teknikal* [Master's thesis, University of Science, Penang, Malaysia]. <http://eprints.usm.my/43273/1/Choong%20Foong%20Yam24.pdf>
- Dumas, J., & Redish, J. (1999). *A practical guide to usability testing*. Exeter, England: Intellect Ltd.
- Fabrori, F. M. (2023). *Terjemah quran madura kementerian agama: Antara politik terjemahan nasional dan lokaliti daerah*. [Master's thesis, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia].
- Farrokipour, S. (2023). Translation quality from systemic functional perspective: the case of ideational meta-functions in quranic translated samples. *Translation Studies*, 21(83), 52-68. doi:20.1001.1.17350212.1402.21.3.5.5
- Faulkner, C. (1998). *The essence of human-computer interaction*. New York, NY: Prentice Hall. *Grammar (4th ed.)*. London, England: Routledge.
- Gunawan, F., Nababan, M. R., Syukri, H., & Ibnu Burdah. (2020). al-Qur'an translation in indonesia: A case study of muhammad thalib's qur'an translation with reference to surah yasin. *ICCOLLIC*. doi:10.4108/eai.8-9-2020.2301400
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2014). *Halliday's introduction to functional*
- Han, C. (2020). Translation quality assessment: A critical methodological review. *The Translator*, 26(3), 257–273. doi:10.1080/13556509.2020.1834751
- Hassan, B. H., & Menacere, K. (2019). Assessing the translation quality of quranic collocations: for better or for worse. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation (IJLLT)*, 2(2). doi:10.32996/ijllt.2019.2.2.15
- Hassan, H. B. (2019). *Investigating the challenges of translating arabic collocations into english with reference to the quran*. [Doctoral dissertation, Liverpool John Moores University, Liverpool, England]. <https://researchonline.ljmu.ac.uk/id/eprint/11247/>
- Hayati Hussin & Zainora Daud. (2018). Terjemahan ayat amthal di dalam al-quran: Kajian terhadap tafsir pimpinan al-rahman. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 14(2). 147-156. <https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/141>
- Hervey, S. C. S., & Higgins, I. (1992). *thinking translation: a course in translation method: french to english*. London, England: Routledge.
- Hidyan
- Hidyan, S. H. H. (2018). *Pragmalinguistic analysis of selected translations of surah yusuf in the holy quran*. [Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia]. <http://eprints.usm.my/43738/>
- Hilman, M. (2010). *Analisis semantik terhadap terjemahan al-quran (surah al-duhā dan al-insyirāh): Kajian komparatif antara terjemahan mahmud yunus dengan t.m. hasbi ash shiddiegy*. [Master's thesis, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia].
- House, J. 2015. *Translation quality assessment: Past and present*. London, England: Routledge. <https://doi.org/10.37556/al-idah.040.01.0770>
- Ibrāhīm, I. T. (t.t). A study of translation assessment of the qur'anic word "hikma" into english. *Majallah Madād al-Ādāb*, 15.
- Jordan, P. W. (1998). *An introduction to usability*. London, England: Taylor & Francis.

- Kahirunisa, Sayed Ibrahim (2008). Unsur budaya dalam koleksi terjemahan cerita jenaka bahasa melayu-bahasa jerman: Satu analisis. [Master's thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia]. <http://dspace.fsktm.um.edu.my/handle/1812/414>
- Kamalizad, J. & Khaksar, M. (2018). Translation quality assessment of harry potter and the cursed child according to house' tqa model. *DJ Journal of English Language and Literature*, 3(2), 11-18. doi:0.18831/djeng.org/2018021002
- Khan, M. (2008). Stylistic and communicative dimensions in translations of sūrah yāsīn into english [Doctoral dissertation, National University of Modern Languages, Islamabad, Pakistan]. <http://pr.hec.gov.pk/jspui/bitstream/123456789/258/1/250S.pdf>
- Khoshnoudi, H.(2019). Investigating the quality of the translations of quran through equivalence theory: A religious lexicology of the word "roshd". *International Journal of English Language & Translation Studies*. 7(3). 19-24.
- Klaudy, K., & Károly, K. (2005). Implication in translation: Empirical evidence for operational asymmetry in translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13-28. doi:10.1556/Acr.6.2005.1.2
- Kullab, R., Jalalian Daghigh, A., & Kadhim, K. A. (2023). The applicability of house's (2015) translation quality assessment model on fiction: Evidence from mahfouz's midaq alley. *Journal of Modern Languages*, 33(2), 2–24. doi:10.22452/jml.vol33no2.2
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham, MD: University Press of America.
- Lauscher, S. (2000). Translation quality assessment: where can theory and practice meet?. *The Translator* 6(2).
- Leventhal, L., & Barnes, J. (2008). *Usability engineering*. New Jersey, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Lubna Abd Rahman, Nasimah Abdullah & Saifullah Samsudin. (2019). *Ketidaktepatan dalam terjemahan kinayah al-quran*. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 (PANtUMN2019) ke-3, Shah Alam, Selangor.
- Lubna Abd. Rahman, Sulhah Ramli, Hishomudin Ahmad & Robiatul Adawiyah Mohd. (2020). Kerelevanan optimum dalam terjemahan sifat allah dalam al-quran ke bahasa inggeris: Analisis baseer dalam surah al-isra': *'Abqari Journal*. 23(1), 250-266. doi:10.33102/abqari.vol23no1.307
- Michie, S., & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occupational and environmental medicine*. 60(1), 3-9.
- Muhammad Arif Musa, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Norazman Alias, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Zulazhan Ab. Halim & Nurazan Mohmad Rouyan. (2023). Penterjemahan eufemisme al-qur'an ke bahasa melayu: Masalah dan penyelesaian. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 13(1). <http://www.gjat.my/gjat2023-Jul/10.pdf>
- Nababan, M., Sumardiono & Nuraeni, A. (2012). Pengembangan model penilaian kualiti terjemahan. *Jurnal Kajian Linguistik dan Sastra*. 24(1). <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/handle/11617/2220>
- Naimah, Kamaruddin & Harun, Baharuddin. (2016). Penggunaan google translate dalam aktiviti terjemahan kata arab. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam*.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2016). Terjemahan ayat figuratif dalam al-quran: Perbandingan antara penterjemah individu dan berkumpulan. 3(1).
- Nasimah Abdullah & Saifulah Samsudin (2022). Perbandingan penterjemahan Majāz Mursal al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran: Comparison of Quranic. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 949–961. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.298>
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman, Saifullah Samsudin. (2018). Terjemahan kinayah dalam wacana al-quran: Analisis teori semantik newmark. Penerbit KUIS, 5(2), 256-276.

- Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin & Nor Fatihah Suliman. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan *majāz mursal* al-quran: analisis terhadap hubungan musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. doi:10.53840/alirsyad.v6i1.145
- Nazir, N., Khan, S. A., & Ahmad, S. (2022). Qur'an translation and the semantic diversity: Assessment of urdu quran translations (application of julian house model of quality assessment). *Al-Idah*, 40(1), 1-22. doi:10.37556/al-idah.040.01.0770
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. Oxford, United Kingdom: Pergamon Press.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating*. Leiden, Holland: E.J. Brill.
- Nida, E., & Taber, C. R. (1974). *The theory and practice of translation*. Leiden, Netherlands: E. J. Brill.
- Nurul. (2023). *Politik bahasa terjemahan al-quran: Kajian atas terjemahan ayat perang dalam quran a reformist translation*. [Master's thesis, Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia].
- Obeidat, A. & Ayyad, G. (2022). Assessing the translation of collocations in literary texts based on juliane house's model (1997) of translation quality assessment. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*. 19. doi:10.17576/ebangi.2022.1905.04
- Preece, J., Rogers, S., Benyon, D., Holland, S., & Carey, T. (1994). *Human computer interaction*. New York, NY: Addison-Wesley Publishing Company.
- Reiss, K. (2000). *Translation criticism: The potentials and limitations*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Roosfa Hashim. (2006, November). Penterjemahan di malaysia bakal menjadi sejarah. *Dewan Bahasa*, 14-17.
- Siddiqi, N., House, A. O., & Holmes, J. D. (2006). Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: a systematic literature review. *Age and Ageing*. 35(4), 350-364.
- Syihabuddin. (2016). Penterjemahan teks suci: analisis ketepatan terjemahan istilah kecendekiaan dalam al-quran dan terjemahannya. *Adabiyyāt*, 15(1), 87-109, doi 10.14421/ajbs.2016.15105
- Tardi. (2008). *Koheren Terjemahan al-Quran: Analisis Struktural Terjemahan al-Quran Republik Indonesia Edisi Tahun 2002* [Master's thesis, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia].
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of french & english: A methodology for translation*. Amsterdam, Netherlands: John Benjamins Publishing.
- Wan Hashim Wan Teh. (2008). Usaha membina kepustakaan melayu. In Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud, & Sa'odah Abdullah (Eds.), *Conference of the Penterjemahan Antarabangsa Ke-11: Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (pp. 1-13). Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Williams, M. (2009). Translation Quality Assessment. *Mutatis Mutandis*, 2(1).
- Zandian, S., Ketabi, S., & Vahid Dastjerdi, H. (2021). In keeping with new translation quality assessment (tqa) trends: from planning to applying a viable rubric to assess quality of literary translation. *Iranian Journal of Applied Language Studies*, 13(1), 193-216. doi:10.22111/ijals.2021.6361